

Harga minyak naik lagi hujung minggu ini?

KUALA LUMPUR, Ahad — Harga semua jenis minyak akan dinaikkan lagi hujung minggu ini, kali kedua dalam tempoh 3 bulan berikutan Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) menaikkan harga minyak mentahnya.

Kerajaan telah memutuskan kadar kenaikan bagi harga baru bahan tersebut dalam sidang Kabinetnya minggu lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Petroleum akan mengumumkan sendiri butir-butir

kenaikan harga bahan tersebut Rabu ini.

Adalah difahamkan kenaikan di dalam lingkungan 10 peratus. Awal Jun lalu, kerajaan membenarkan kenaikan harga bagi semua jenis minyak sebanyak 3%, kadar kenaikan yang paling rendah berbanding dengan peratus kenaikan minyak mentah oleh OPEC.

Ketika ditemui hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu harga bagi semua jenis minyak akan dinaikkan lagi dan Kerajaan telah mengambil keputusan tentang perkara itu.